

Laporan UNDP UM - 7 JUN 1993 tidak adil

KUALA LUMPUR 3 Jun
— Perdana Menteri, Dato'
Sri Dr. Mahathir Moha-
mad menyifatkan laporan
Program Pembangunan
Manusia Bangsa-Bangsa
Bersatu (UNDP) 1993
yang meletakkan kedudu-
kan Malaysia lebih bawah
daripada Israel dalam me-
laksanakan program pem-
bangunan kemanusiaan,
sebagai tidak adil dan be-
rat sebelah.

Beliau berkata, laporan
yang meletakkan Malaysia
pada senarai ke-57 di kala-
ngan negara kurang me-
laksanakan program pem-
bangunan manusia itu
juga tidak boleh dianggap
serius.

“Laporan UNDP jelas
berat sebelah kerana Ma-
laysia yang sedang berusa-
ha memajukan negaranya
melalui pelbagai program
pembangunan, diletakkan
lebih bawah daripada Isra-
el, negara yang saban hari
melakukan kekejaman
dan pembunuhan ke atas
rakyat Palestin,” katanya.

Perdana Menteri berka-
ta demikian kepada para
pemberita selepas meras-
mikan Persidangan Islam
dan Keadilan anjuran Ins-
titut Kefahaman Islam
Malaysia (IKIM) di sini
hari ini.

Beliau mengulas lapor-
an UNDP yang meletak-
kan senarai Malaysia da-
lam program pem-
bangunan manusia lebih
rendah daripada keduduk-
an tahun lalu.

Pada tahun lalu, Malay-
sia disenaraikan pada ke-
dudukan ke-51 manakala
tahun ini merosot kepada
kedudukan ke-57.

Tahun ini sebanyak 55
buah negara disenaraikan
oleh UNDP sebagai negara
yang mempunyai program
pembangunan ke-
manusiaan yang tinggi di-
ketuai oleh Jepun,
Canada, Norway, Switzer-
land, Sweden, Amerika
Syarikat, Australia, Pe-
rancis, Belanda dan Brita-
in.